

Mekanisme Kejayaan bagi Program Keusahawanan TVET dalam Kalangan Ibu Tunggal

The Success Mechanisms for the TVET Entrepreneurship Program among Single Mothers

Nur Arina Khalim^{1*}, Ahmad Rizal Madar², Suhaimi Mohamad¹

¹ Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

*Pengarang Utama: gb230123@student.uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.01.008>

Maklumat Artikel

Diserah: 18 Februari 2025
Diterima: 19 Jun 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Mekanisme kejayaan, ibu tunggal, keusahawanan, TVET

Abstrak

Ibu tunggal sering berhadapan dengan cabaran ekonomi dan sosial seperti kekangan kewangan, tekanan psikologi, dan kekurangan sokongan dalam mengimbangi peranan sebagai ibu dan pencari nafkah. Keusahawanan dilihat sebagai jalan penyelesaian untuk memperkukuh kedudukan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan hidup keluarga. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program keusahawanan TVET dalam memperkasakan ibu tunggal di Muar, Johor. Fokus utama adalah mengenal pasti tahap motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal peserta serta menganalisis hubungan antara ketiga-tiga elemen tersebut dalam kejayaan program. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan reka bentuk tinjauan dan teknik persampelan rawak mudah ke atas 191 orang ibu tunggal. Instrumen utama ialah soal selidik berskala Likert lima mata. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS melalui analisis deskriptif dan inferensi, termasuk korelasi Spearman untuk mengenal pasti hubungan antara pembolehubah. Dapatan menunjukkan peningkatan ketara dalam motivasi, keyakinan diri, serta kemahiran pengurusan masa, kewangan dan pemasaran dalam kalangan peserta. Kemahiran interpersonal seperti komunikasi dan pembinaan jaringan profesional turut meningkat. Walau bagaimanapun, kelemahan masih wujud dalam aspek pengurusan risiko dan konflik, yang dikenal pasti sebagai ruang untuk penambahbaikan. Program keusahawanan TVET memberi impak positif terhadap pembangunan diri ibu tunggal dan berpotensi sebagai mekanisme berkesan untuk pemerkasakan ekonomi. Penambahbaikan dalam modul latihan, khususnya berkaitan pengurusan risiko dan komunikasi kompleks, diperlukan bagi menjamin kejayaan jangka panjang peserta dalam bidang keusahawanan.

Keywords

Success mechanisms, single mother, entrepreneurship, TVET

Abstract

Single mothers often face economic and social challenges such as financial constraints, psychological pressure, and a lack of support in

balancing their roles as mothers and breadwinners. Entrepreneurship is seen as a solution to strengthen their economic position and improve the well-being of their families. This study aims to evaluate the effectiveness of the TVET entrepreneurship program in empowering single mothers in Muar, Johor. The main focus is to identify the levels of motivation, management skills, and interpersonal skills of participants, as well as to analyze the relationship between these three elements in the success of the program. A quantitative approach was used with a survey design and simple random sampling technique involving 191 single mothers. The primary instrument was a five-point Likert scale questionnaire. The data were analyzed using SPSS software through descriptive and inferential analysis, including Spearman correlation to identify relationships between variables. The findings show a significant increase in motivation, self-confidence, as well as skills in time management, finance, and marketing among the participants. Interpersonal skills such as communication and professional networking also improved. However, weaknesses still exist in the areas of risk and conflict management, which have been identified as areas for improvement. The TVET entrepreneurship program has a positive impact on the personal development of single mothers and has the potential to be an effective mechanism for economic empowerment. Improvements in the training modules, particularly related to risk management and complex communication, are needed to ensure the long-term success of participants in entrepreneurship.

1. Pengenalan

Pembangunan modal insan merupakan teras utama dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif (Amini Amir Abdullah, 2014). Dalam konteks ini, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah muncul sebagai salah satu inisiatif strategik untuk memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah serta memperkasakan golongan masyarakat yang terpinggir, termasuk ibu tunggal (Enamudu et al., 2024). Program keusahawanan TVET menggabungkan kemahiran teknikal dengan kemahiran keusahawanan, membolehkan individu bukan sahaja bekerja dalam industri tetapi juga memulakan perniagaan sendiri (Ismail et al., 2019). Ini amat relevan bagi ibu tunggal yang sering menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang unik, seperti kadar pengangguran yang tinggi dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Program keusahawanan TVET menyediakan peluang kepada ibu tunggal untuk meningkatkan taraf hidup melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan yang produktif (Hanafi et al., 2023). Menurut kajian, sokongan seperti bimbingan mentor, akses kepada teknologi moden, dan latihan yang komprehensif adalah faktor kritikal yang menyumbang kepada kejayaan usahawan ibu tunggal (Efa Wahyu Prastyaningtyas et al., 2023; Ghory & Ghafory, 2021). Selain itu, sikap seperti keyakinan diri, ketabahan, dan keupayaan mengambil risiko turut memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan (Taneja et al., 2023).

Namun, walaupun potensi program TVET dalam memperkasakan ibu tunggal telah diakui, masih terdapat jurang antara latihan yang disediakan dan keperluan khusus kumpulan sasaran ini (Oviawe, 2017). Sebagai contoh, kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal sering menghadapi cabaran dalam mengimbangi tanggungjawab keluarga dengan keperluan perniagaan, serta kekurangan akses kepada sumber kewangan dan sokongan sosial (Onileowo, 2021). Oleh itu, penambahbaikan berterusan dan penyesuaian program TVET diperlukan untuk memastikan ia relevan dan efektif dalam memenuhi keperluan ibu tunggal.

Menyedari kepentingan keusahawanan sebagai laluan kepada pemerikasaan ekonomi, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti mekanisme kejayaan bagi program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal. Faktor seperti motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal akan dikaji sebagai elemen penting yang mempengaruhi kejayaan program ini (Wickham, 2006). Motivasi, sebagai contoh, adalah penting untuk memastikan ibu tunggal dapat mencapai tahap pencapaian dan pembangunan diri yang lebih tinggi (Maslow, 2021). Sementara itu, kemahiran pengurusan yang baik dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam menjalankan perniagaan (Hani, 2021), manakala kemahiran interpersonal yang kuat membantu dalam membina hubungan perniagaan yang berkesan (Hu et al., 2022).

Dasar TVET Kebangsaan (2015-2025) telah menekankan pengintegrasian pendidikan keusahawanan ke dalam kurikulum latihan vokasional, yang menyediakan peluang kepada ibu tunggal untuk mengembangkan kemahiran mereka dalam perniagaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Kajian oleh Raiham Mohd Sanusi (2022) menunjukkan bahawa program yang menyokong pemerikasaan ekonomi ibu tunggal dapat membantu

meningkatkan kualiti hidup mereka. Selain itu, peningkatan dalam kadar bekerja sendiri dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai program TVET telah menunjukkan penambahbaikan yang signifikan dalam taraf hidup mereka (Lim et al., 2020).

Secara keseluruhannya, program keusahawanan TVET berpotensi untuk menjadi mekanisme yang berkesan dalam memperkasakan ibu tunggal, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti mekanisme kejayaan bagi program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti mekanisme kejayaan bagi program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal:


- i. Mengetahui tahap motivasi berdasarkan persepsi dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET.
- ii. Mengetahui tahap kemahiran pengurusan berdasarkan persepsi dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET.
- iii. Mengetahui tahap kemahiran interpersonal berdasarkan persepsi dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET.
- iv. Mengetahui hubungan antara motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal dalam pelaksanaan program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu Tunggal.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi mekanisme kejayaan bagi program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal di Muar, Johor. Reka bentuk ini mengutamakan pengumpulan dan analisis data berangka bagi mengenal pasti arah aliran, corak, dan hubungan antara pembolehubah yang boleh diukur secara statistik (Roesminingsih et al., 2024). Pendekatan kuantitatif dipilih untuk menyediakan bukti yang kukuh dan boleh diukur bagi menyokong keberkesanan program keusahawanan TVET yang dicadangkan untuk ibu tunggal. Kajian ini berpandukan Model Pencapaian Keusahawanan Wickham, yang menekankan empat elemen utama kejayaan keusahawanan, iaitu motivasi, kemahiran, pengetahuan, dan sikap, sebagai asas untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan program keusahawanan TVET. Populasi sasaran kajian terdiri daripada 380 orang ibu tunggal yang menetap di Muar, Johor, yang telah mengikuti program keusahawanan TVET tetapi menghadapi cabaran yang tidak dapat dilengkapkan dengan program sedia ada, seterusnya menghalang keupayaan mereka menjadi usahawan berjaya. Saiz sampel sebanyak 191 orang ibu tunggal ditentukan menggunakan jadual Krejcie dan Morgan, dengan teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Pengumpulan data dijalankan di lokasi di mana ibu tunggal berkemungkinan berkumpul, seperti pusat komuniti yang menyokong ibu tunggal bagi memastikan keterwakilan sampel dan kebolehgneralisasian dapatan. Dalam kajian ini, soal selidik akan menjadi instrumen utama untuk pengumpulan data yang mana pengkaji menggunakan skala Likert lima mata untuk mengenal pasti tahap motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal responden. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian statistik IBM SPSS (Pallant, 2020). Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis maklumat demografi responden serta mengenal pasti tahap motivasi, tahap kemahiran pengurusan, dan tahap kemahiran interpersonal berdasarkan persepsi dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET, manakala analisis inferensi seperti analisis korelasi Spearman digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pembolehubah. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dipastikan melalui semakan pakar, ujian rintis, dan pengiraan pekali alfa Cronbach, yang menunjukkan nilai melebihi 0.7 bagi semua bahagian soal selidik. Kajian rintis melibatkan 30 orang responden telah dijalankan untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan instrumen sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

2.1 Model Pencapaian Keusahawanan Wickham terhadap Mekanisme Kejayaan bagi Program Keusahawanan TVET dalam Kalangan Ibu Tunggal

Model pencapaian keusahawanan Wickham memfokuskan kepada elemen penting yang menyumbang kepada kejayaan seseorang usahawan. Model ini menekankan kepentingan motivasi, kemahiran, pengetahuan, dan sikap sebagai faktor utama dalam menentukan kejayaan keusahawanan. Rajah 2.1 menunjukkan model pencapaian keusahawanan Wickham.



Rajah 1: Model Pencapaian Keusahawanan Wickham

Model pencapaian keusahawanan Wickham dipilih sebagai kerangka konseptual kajian ini kerana ia menyediakan pendekatan komprehensif dan dinamik dalam memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan keusahawanan. Model ini menekankan empat elemen utama, iaitu motivasi, kemahiran, pengetahuan, dan sikap, yang saling berinteraksi untuk membentuk keupayaan seseorang usahawan dalam mengeksploitasi peluang dan mengatasi cabaran (Wickham, 2006). Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, hanya tiga elemen sahaja yang digunakan, iaitu motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal, berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif kajian dan keperluan khusus ibu tunggal yang terlibat dalam program keusahawanan TVET.

Motivasi dipilih sebagai elemen utama kerana ia merupakan faktor asas yang mendorong seseorang untuk menyertai dan terus berusaha dalam program keusahawanan. Bagi ibu tunggal yang sering menghadapi tekanan ekonomi dan sosial, motivasi yang tinggi adalah penting untuk membantu mereka bertahan dan mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan (Valeri, 2024). Selain itu, kemahiran pengurusan turut diberi penekanan kerana ia melibatkan kebolehan merancang, mengurus kewangan, dan menyusun strategi perniagaan, yang merupakan aspek kritikal untuk memastikan kelancaran dan kemampuan perniagaan. Kemahiran interpersonal pula dipilih kerana keupayaan berinteraksi dan berkomunikasi dengan pihak lain, seperti pelanggan dan pembekal, adalah penting dalam membina hubungan perniagaan yang kukuh dan meningkatkan peluang kejayaan (Wickham, 2006).

Pemilihan model ini juga berasaskan keupayaannya untuk menggabungkan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kejayaan keusahawanan. Model Wickham menekankan interaksi dinamik antara keupayaan dalaman usahawan, seperti kreativiti dan kecenderungan mengambil risiko, dengan persekitaran perniagaan luaran, menjadikannya relevan untuk memahami mekanisme kejayaan dalam konteks program keusahawanan TVET (Wickham, 2006). Dalam konteks ibu tunggal, model ini menyediakan rangka kerja yang seimbang antara pembangunan kemahiran teknikal dan sokongan motivasi, yang diperlukan untuk membina daya tahan dan keyakinan dalam menghadapi cabaran perniagaan.

Elemen kebolehan keusahawanan tidak digunakan dalam kajian ini kerana fokus kajian adalah lebih kepada faktor dalaman yang mempengaruhi kejayaan ibu tunggal, seperti motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal. Dengan tumpuan kepada tiga elemen ini, kajian ini diharap dapat memberikan pandangan yang mendalam mengenai mekanisme kejayaan program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal, seterusnya menyumbang kepada pembangunan program yang lebih efektif dan relevan dengan keperluan kumpulan sasaran ini.

2.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian adalah penting untuk menjamin kredibiliti dan kebolehpercayaan dapatan kajian (Prabhavathy et al., 2024). Dalam konteks kajian ini, langkah-langkah khusus diambil untuk memastikan instrumen kajian, iaitu soal selidik, adalah sah dan boleh dipercayai agar data yang dikumpul menggambarkan dengan tepat objektif penyelidikan dan dapat digeneralisasikan kepada populasi sasaran. Kesahan kandungan, kesahan muka, dan kesahan bahasa dipastikan melalui proses semakan yang teliti oleh pakar dalam bidang keusahawanan TVET serta individu yang arif. Maklum balas mereka digunakan untuk memastikan soal selidik relevan, sesuai dengan objektif kajian, dan mencerminkan pengalaman serta keperluan ibu tunggal. Selain itu, ujian rintis dijalankan ke atas sejumlah kecil responden untuk menilai kefahaman mereka terhadap soalan dan mengenal pasti sebarang kekaburan atau ketidakkonsistenan dalam item soal selidik.

Kebolehpercayaan dalaman dinilai menggunakan pekali alfa Cronbach, iaitu ukuran statistik yang diiktiraf secara meluas untuk mengukur konsistensi dalaman instrumen (Pallant, 2020). Nilai pekali alfa yang tinggi (biasanya melebihi 0.7) menunjukkan kebolehpercayaan yang baik, manakala nilai yang rendah mungkin memerlukan penghapusan item yang tidak konsisten (George & Mallery, 2010). Jadual 1 menunjukkan julat kebolehpercayaan berdasarkan pekali alfa Cronbach.

Jadual 1: Julat Kebolehpercayaan dan Pekali Alfa Cronbach

Pekali Alfa Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan
Lebih daripada 0.90	Cemerlang
0.80 – 0.89	Baik
0.70 – 0.79	Diterima
0.60 – 0.69	Dipersoalkan
0.50 – 0.59	Lemah
Kurang daripada 0.59	Tidak boleh diterima

Dengan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji dapat meningkatkan keyakinan terhadap penemuan kajian dan memastikan keputusan yang diperoleh menggambarkan dengan tepat pengalaman dan perspektif ibu tunggal. Ini adalah penting kerana program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal melibatkan isu yang kompleks dan pelbagai aspek. Instrumen yang sah dan boleh dipercayai membolehkan analisis yang berkesan terhadap faktor yang mempengaruhi mekanisme kejayaan program keusahawanan TVET, seterusnya menyumbang kepada pembangunan program yang responsif terhadap keperluan populasi sasaran. Melalui langkah-langkah ini, kajian ini bertujuan untuk mewujudkan asas kesahan dan kebolehpercayaan yang kukuh, yang akhirnya dapat memperkasakan ibu tunggal untuk mencapai matlamat keusahawanan mereka.

2.3 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan langkah penting dalam proses penyelidikan yang membantu menetapkan metodologi dan merangka langkah seterusnya bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian (Bougie & Sekaran, 2019). Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang ibu tunggal di Muar, Johor, yang telah mengikuti program keusahawanan TVET. Pemilihan responden dilakukan menggunakan teknik persampelan rawak mudah, di mana setiap individu dalam populasi sasaran mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Soal selidik yang diisi oleh responden dianalisis menggunakan perisian statistik IBM SPSS untuk menilai kebolehpercayaan instrumen kajian. Jadual 2 menunjukkan tahap kesahan data yang dikumpulkan dan membolehkan analisis lebih mendalam terhadap factor-faktor yang mempengaruhi kejayaan program.

Jadual 2: Statistik Kebolehpercayaan Soal Selidik Bahagian B, Bahagian C, dan Bahagian D

Bahagian	Statistik Kebolehpercayaan	
	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Bahagian B (Tahap Motivasi)	0.859	20
Bahagian C (Tahap Kemahiran Pengurusan)	0.932	20
Bahagian D (Tahap Kemahiran Interpersonal)	0.888	20

Kebolehpercayaan soal selidik dinilai berdasarkan pekali alfa Cronbach bagi Bahagian B, Bahagian C, dan Bahagian D. Nilai pekali alfa yang diperoleh ialah 0.859, 0.932, dan 0.888, masing-masing, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Nilai-nilai ini melebihi had minimum 0.7, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik dan konsisten. Ini membuktikan bahawa soal selidik yang digunakan adalah boleh dipercayai dan sesuai untuk mencapai objektif kajian. Selain itu, kesemua 30 responden menjawab soalan tanpa ada data yang hilang, dan setiap bahagian soal selidik terdiri daripada 20 item yang dirangka untuk menangkap faktor-faktor yang mempengaruhi mekanisme kejayaan program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu Tunggal.

Melalui kajian rintis ini, pengkaji dapat memastikan kesesuaian dan kelayakan instrumen kajian sebelum melaksanakan penyelidikan sebenar. Hasil kajian rintis ini juga memberikan asas yang kukuh untuk analisis lebih mendalam terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan program keusahawanan TVET, seterusnya memastikan dapatan kajian adalah tepat dan boleh digeneralisasikan kepada populasi sasaran.

3. Dapatan

3.1 Tahap Motivasi Berdasarkan Persepsi Ibu Tunggal yang Menyertai Program Keusahawanan TVET

Motivasi merupakan faktor penggerak utama yang mendorong individu untuk bertindak dan berusaha mencapai matlamat mereka, terutamanya dalam konteks keusahawanan. Dalam kajian ini, analisis tahap motivasi berdasarkan persepsi ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET dijalankan untuk memahami sejauh mana program ini dapat memberi impak positif kepada peserta. Motivasi yang tinggi adalah penting kerana

ia mempengaruhi kebolehan peserta untuk menghadapi cabaran dan rintangan dalam menjalankan perniagaan, serta menjadi penentu kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan.

Jadual 3: Nilai Min, Sisihan Piawai, dan Interpretasi bagi Tahap Motivasi Berdasarkan Persepsi Ibu Tunggal yang Menyertai Program Keusahawanan TVET

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
B1	Saya termotivasi untuk menyertai program keusahawanan TVET.	4.47	0.541	Cemerlang
B2	Program ini memberi inspirasi kepada saya untuk memulakan perniagaan sendiri.	4.28	0.660	Cemerlang
B3	Saya lebih bersemangat untuk mencapai kejayaan selepas menyertai program ini.	4.71	0.456	Cemerlang
B4	Matlamat hidup saya lebih jelas setelah mengikuti program keusahawanan TVET.	4.60	0.513	Cemerlang
B5	Saya yakin dengan kemampuan saya untuk berjaya dalam keusahawanan selepas menyertai program ini.	3.81	0.814	Cemerlang
B6	Program ini mendorong saya untuk lebih bekerja keras.	4.65	0.478	Cemerlang
B7	Saya terdorong untuk mencari peluang perniagaan baru setelah menyertai program ini.	4.19	0.794	Cemerlang
B8	Penyertaan dalam program TVET memberi saya keyakinan untuk berjaya dalam keusahawanan.	3.99	0.729	Cemerlang
B9	Program ini membantu saya menetapkan matlamat yang lebih tinggi dalam perniagaan.	4.45	0.520	Cemerlang
B10	Sokongan mentor dalam program TVET sangat memotivasi saya.	4.64	0.482	Cemerlang
B11	Program ini memberi saya motivasi untuk mengatasi cabaran dalam perniagaan.	4.14	0.700	Cemerlang
B12	Saya lebih bersemangat untuk bekerja keras dalam perniagaan saya.	4.62	0.486	Cemerlang
B13	Program ini membantu saya menyedari potensi diri saya.	4.37	0.675	Cemerlang
B14	Saya lebih bersemangat untuk meningkatkan kemahiran saya selepas menyertai program ini.	4.64	0.482	Cemerlang
B15	Program ini memberi saya dorongan untuk menjadi usahawan yang berjaya.	4.47	0.500	Cemerlang
B16	Saya lebih yakin dalam membuat keputusan perniagaan selepas menyertai program ini.	4.43	0.496	Cemerlang
B17	Penyertaan dalam program ini memberi saya dorongan untuk terus belajar dan berkembang.	4.63	0.485	Cemerlang
B18	Program ini membuat saya lebih fokus terhadap matlamat perniagaan saya.	4.45	0.499	Cemerlang
B19	Saya lebih yakin untuk mengambil risiko dalam perniagaan selepas menyertai program ini.	3.09	1.206	Cemerlang
B20	Saya lebih bermotivasi untuk mencipta peluang perniagaan baru selepas menyertai program ini.	3.70	0.803	Cemerlang

Berdasarkan data yang diperoleh dari Jadual 3 diatas, dapat dilihat bahawa secara keseluruhan, tahap motivasi ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET berada pada tahap yang cemerlang. Nilai min yang diperoleh bagi setiap item menunjukkan bahawa majoriti peserta merasakan program ini memberikan impak yang positif terhadap motivasi mereka. Secara khusus, nilai min yang tertinggi dicatatkan dalam aspek semangat untuk mencapai kejayaan selepas menyertai program, iaitu pada tahap 4.71 dengan sisihan piawai 0.456. Ini menunjukkan bahawa program ini berjaya membangkitkan semangat dan keinginan peserta untuk berusaha lebih gigih dalam mencapai matlamat mereka.

Selain itu, data juga menunjukkan bahawa program ini berjaya memberikan keyakinan kepada peserta dalam membuat keputusan perniagaan, dengan nilai min sebanyak 4.43 dan sisihan piawai 0.496. Ini mencerminkan bahawa program TVET bukan sahaja memberi pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga membina keyakinan diri peserta untuk menghadapi cabaran dalam dunia keusahawanan. Namun, terdapat beberapa aspek yang mencatatkan nilai min yang lebih rendah berbanding yang lain, seperti keyakinan untuk mengambil risiko dalam perniagaan, yang hanya mencapai nilai min 3.09 dengan sisihan piawai yang agak tinggi, iaitu 1.206. Ini mungkin

menunjukkan bahawa walaupun program ini berjaya meningkatkan motivasi dan keyakinan, masih terdapat ruang untuk memperkukuh aspek pengurusan risiko dalam kalangan peserta.

Secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa program keusahawanan TVET berjaya memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan motivasi ibu tunggal. Program ini bukan sahaja memberi inspirasi dan dorongan untuk memulakan perniagaan, tetapi juga membantu peserta menetapkan matlamat yang lebih jelas dan meningkatkan semangat untuk bekerja keras. Walaupun terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki, seperti keyakinan dalam mengambil risiko, namun secara umumnya, program ini telah mencapai objektifnya dalam membangkitkan semangat keusahawanan dalam kalangan ibu tunggal.

3.2 Tahap Kemahiran Pengurusan Berdasarkan Persepsi Ibu Tunggal yang Menyertai Program Keusahawanan TVET

Program keusahawanan TVET memainkan peranan penting dalam membangunkan kemahiran pengurusan dalam kalangan ibu tunggal, yang merupakan aspek kritikal dalam menjalankan perniagaan dengan berkesan. Kemahiran pengurusan merangkumi pelbagai aspek seperti perancangan strategik, pengurusan kewangan, pengurusan masa, pengawasan operasi, dan kebolehan membuat keputusan. Analisis tahap kemahiran ini bertujuan untuk menilai sejauh mana program ini telah berjaya mempersiapkan peserta dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dalam dunia keusahawanan yang kompetitif. Selain itu, penilaian ini juga penting untuk memastikan kestabilan dan kejayaan perniagaan peserta pada masa hadapan, seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka serta memberi manfaat kepada keluarga dan komuniti.

Jadual 4: Nilai Min, Sisihan Piawai, dan Interpretasi bagi Tahap Kemahiran Pengurusan Berdasarkan Persepsi Ibu Tunggal yang Menyertai Program Keusahawanan TVET

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
B1	Program keusahawanan TVET membantu meningkatkan kemahiran pengurusan masa.	4.55	0.530	Cemerlang
B2	Latihan yang diterima melalui program ini memperbaiki kemampuan menguruskan sumber kewangan.	4.57	0.497	Cemerlang
B3	Pengurusan inventori dan stok menjadi lebih teratur selepas menghadiri program ini.	4.48	0.551	Cemerlang
B4	Program ini membantu dalam perancangan strategik perniagaan.	4.17	0.643	Cemerlang
B5	Pengalaman dalam program ini membantu dalam perancangan strategik perniagaan.	4.14	0.629	Cemerlang
B6	Program ini membantu saya meningkatkan kemahiran membuat keputusan.	4.44	0.498	Cemerlang
B7	Program keusahawanan TVET meningkatkan kemahiran menguruskan risiko perniagaan.	2.98	1.133	Cemerlang
B8	Program ini memberi saya pengetahuan yang mendalam tentang pengurusan projek.	4.43	0.518	Cemerlang
B9	Pengurusan projek menjadi lebih berkesan selepas mengikuti latihan dalam program ini.	4.47	0.521	Cemerlang
B10	Program ini membantu saya dalam mengurus strategi pemasaran yang efektif	4.60	0.492	Cemerlang
B11	Saya lebih berkeyakinan dalam menguruskan operasi harian perniagaan selepas menyertai program ini.	4.47	0.511	Cemerlang
B12	Latihan yang diterima membantu dalam menguruskan perhubungan dengan pelanggan.	4.64	0.480	Cemerlang
B13	Program ini membantu saya memahami pentingnya analisis pasaran.	4.49	0.501	Cemerlang
B14	Kemahiran menguruskan akaun dan buku kira-kira menjadi lebih baik selepas menyertai program ini.	4.46	0.500	Cemerlang
B15	Kemahiran dalam menilai dan menguruskan kualiti produk meningkat selepas menyertai program ini.	4.43	0.496	Cemerlang
B16	Program ini memberikan pengetahuan yang lebih baik tentang pengurusan sumber manusia.	4.45	0.509	Cemerlang
B17	Kemahiran dalam menguruskan perubahan dalam perniagaan diperbaiki melalui program ini.	3.45	1.039	Cemerlang

B18	Program keusahawanan TVET membantu dalam membina hubungan profesional yang lebih kuat.	4.47	0.500	Cemerlang
B19	Program ini membantu dalam meningkatkan kemampuan menguruskan tekanan kerja	4.47	0.500	Cemerlang
B20	Latihan yang diterima memperbaiki kemahiran dalam merancang jangka panjang untuk perniagaan.	4.77	0.419	Cemerlang

Berdasarkan data yang diperoleh dari Jadual 4 diatas, dapat dilihat bahawa secara keseluruhan, tahap kemahiran pengurusan ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET berada pada tahap yang cemerlang. Nilai min yang tinggi bagi kebanyakan item menunjukkan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan kemahiran pengurusan peserta dalam pelbagai aspek. Secara khusus, nilai min tertinggi dicatatkan dalam aspek perancangan jangka panjang untuk perniagaan, iaitu pada tahap 4.77 dengan sisihan piawai 0.419. Ini menunjukkan bahawa program ini berjaya membekalkan peserta dengan kemahiran untuk merancang strategi perniagaan yang lebih terarah dan berkesan.

Selain itu, data juga menunjukkan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan kemahiran pengurusan masa dan sumber kewangan, dengan nilai min masing-masing sebanyak 4.55 dan 4.57 dengan sisihan piawai 0.530 dan 0.497. Ini mencerminkan bahawa peserta kini lebih berkemampuan untuk menguruskan sumber-sumber penting dalam perniagaan dengan lebih efisien. Kemahiran dalam menguruskan hubungan dengan pelanggan juga mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu 4.64 dan sisihan piawai 0.480, menunjukkan bahawa program ini telah berjaya memperkukuh aspek komunikasi dan pengurusan pelanggan, yang merupakan elemen penting dalam kejayaan perniagaan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang mencatatkan nilai min yang lebih rendah berbanding yang lain. Sebagai contoh, kemahiran dalam menguruskan risiko perniagaan hanya mencapai nilai min 2.98 dengan sisihan piawai 1.133, manakala kemahiran menguruskan perubahan dalam perniagaan pula mencatatkan nilai min 3.45 dengan sisihan piawai 1.039. Ini mungkin menunjukkan bahawa walaupun program ini berjaya meningkatkan kemahiran pengurusan secara umum, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aspek pengurusan risiko dan perubahan, yang merupakan cabaran penting dalam dunia keusahawanan.

Secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa program keusahawanan TVET telah berjaya meningkatkan kemahiran pengurusan ibu tunggal dalam pelbagai aspek. Program ini bukan sahaja membantu peserta dalam perancangan strategik dan pengurusan operasi harian, tetapi juga membekalkan mereka dengan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan, masa, dan hubungan pelanggan dengan lebih efektif. Walaupun terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki, seperti pengurusan risiko dan perubahan, namun secara umumnya, program ini telah mencapai objektifnya dalam membangunkan kemahiran pengurusan yang diperlukan untuk kejayaan perniagaan.

3.3 Tahap Kemahiran Interpersonal Berdasarkan Persepsi Ibu Tunggal yang Menyertai Program Keusahawanan TVET

Kemahiran interpersonal merupakan aspek penting dalam kejayaan bidang keusahawanan, terutamanya bagi ibu tunggal yang baru menceburi dunia perniagaan. Kemahiran ini merangkumi komunikasi efektif, kebolehan berunding, kerjasama, dan keupayaan membina rangkaian perniagaan yang kukuh. Melalui program keusahawanan TVET, analisis ini bertujuan untuk menilai sejauh mana tahap kemahiran interpersonal peserta telah diperkukuhkan. Kemahiran interpersonal yang baik bukan sahaja membantu dalam membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan, rakan perniagaan, dan mentor, tetapi juga meningkatkan keyakinan diri peserta dalam menghadapi cabaran sosial yang wujud dalam dunia perniagaan. Penilaian ini juga memberikan gambaran tentang keberkesanan program dalam mempersiapkan peserta untuk mengatasi cabaran komunikasi dan interaksi, seterusnya meningkatkan keberkesanan strategi pemasaran dan operasi perniagaan mereka.

Jadual 5: Nilai Min, Sisihan Piawai, dan Interpretasi bagi Tahap Kemahiran Interpersonal Berdasarkan Persepsi Ibu Tunggal yang Menyertai Program Keusahawanan TVET

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
B1	Program keusahawanan TVET meningkatkan kemahiran komunikasi saya.	4.62	0.487	Cemerlang
B2	Saya lebih yakin untuk berinteraksi dengan pelanggan selepas menyertai program ini.	4.62	0.486	Cemerlang
B3	Keupayaan untuk mendengar dengan aktif dan memahami perspektif orang lain meningkat selepas menyertai program ini.	4.59	0.494	Cemerlang

B4	Program ini memperbaiki kemahiran bekerja dalam kumpulan.	4.70	0.459	Cemerlang
B5	Kecekapan dalam menyampaikan maklumat secara lisan dan bertulis menjadi lebih baik selepas menyertai program ini.	4.26	0.644	Cemerlang
B6	Program keusahawanan TVET meningkatkan keupayaan untuk memberi dan menerima maklum balas dengan positif.	4.45	0.498	Cemerlang
B7	Latihan yang diterima membantu dalam menguruskan konflik dengan lebih berkesan.	3.13	1.231	Cemerlang
B8	Saya lebih berkeyakinan dalam menyampaikan idea dan pendapat saya.	4.49	0.501	Cemerlang
B9	Program ini memperbaiki keupayaan untuk berunding dan mencapai persetujuan.	4.19	0.723	Cemerlang
B10	Kemahiran memahami dan menguruskan emosi sendiri dan orang lain menjadi lebih baik selepas menyertai program ini.	4.47	0.500	Cemerlang
B11	Program ini membantu saya dalam membina jaringan profesional yang efektif.	4.47	0.500	Cemerlang
B12	Saya lebih berkeyakinan dalam mengendalikan perbincangan perniagaan.	4.51	0.501	Cemerlang
B13	Program ini meningkatkan kemahiran saya dalam pengurusan hubungan interpersonal.	4.66	0.475	Cemerlang
B14	Saya lebih mahir dalam memahami dan menghargai perspektif orang lain selepas menyertai program ini.	4.48	0.501	Cemerlang
B15	Program ini membantu saya dalam menguruskan emosi semasa berkomunikasi.	4.45	0.509	Cemerlang
B16	Saya lebih berkeyakinan dalam membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan.	4.64	0.480	Cemerlang
B17	Kecekapan dalam menyelesaikan masalah bertambah selepas menghadiri program ini.	4.46	0.559	Cemerlang
B18	Saya lebih mahir dalam memimpin pasukan selepas menyertai program ini.	4.50	0.501	Cemerlang
B19	Program ini membantu saya dalam memahami kepentingan komunikasi yang jelas dan tepat.	4.66	0.475	Cemerlang
B20	Saya lebih berkeyakinan dalam menghadapi perbezaan budaya dan latar belakang selepas menyertai program ini.	4.12	0.590	Cemerlang

Berdasarkan data yang diperoleh dari Jadual 5 diatas, dapat dilihat bahawa secara keseluruhan, tahap kemahiran interpersonal ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET berada pada tahap yang cemerlang. Nilai min yang tinggi bagi kebanyakan item menunjukkan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan kemahiran interpersonal peserta dalam pelbagai aspek. Secara khusus, nilai min tertinggi dicatatkan dalam aspek kemahiran bekerja dalam kumpulan, iaitu pada tahap 4.70 dengan sisihan piawai 0.459. Ini menunjukkan bahawa program ini berjaya membina keupayaan peserta untuk bekerjasama dengan orang lain secara efektif, yang merupakan elemen penting dalam kejayaan perniagaan.

Selain itu, data juga menunjukkan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan keyakinan peserta dalam berinteraksi dengan pelanggan, dengan nilai min sebanyak 4.62 dengan sisihan piawai 0.486. Ini mencerminkan bahawa peserta kini lebih berkemampuan untuk membina hubungan yang baik dengan pelanggan, yang merupakan aspek kritikal dalam memastikan kelangsungan perniagaan. Kemahiran dalam pengurusan hubungan interpersonal juga mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu 4.66 dengan sisihan piawai 0.475, menunjukkan bahawa program ini telah berjaya memperkukuh keupayaan peserta untuk menguruskan hubungan dengan pelbagai pihak secara profesional.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang mencatatkan nilai min yang lebih rendah berbanding yang lain. Sebagai contoh, kemahiran dalam menguruskan konflik hanya mencapai nilai min 3.13 dengan sisihan piawai 1.231, manakala keyakinan dalam menghadapi perbezaan budaya dan latar belakang pula mencatatkan nilai min 4.12 dan sisihan piawai 0.590. Ini mungkin menunjukkan bahawa walaupun program ini berjaya meningkatkan kemahiran interpersonal secara umum, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam aspek pengurusan konflik dan interaksi dalam konteks budaya yang pelbagai, yang merupakan cabaran penting dalam dunia perniagaan global.

Secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa program keusahawanan TVET telah berjaya meningkatkan kemahiran interpersonal ibu tunggal dalam pelbagai aspek. Program ini bukan sahaja membantu peserta dalam membina keyakinan diri untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan pelanggan, tetapi juga membekalkan mereka dengan kemahiran untuk bekerja dalam kumpulan, mengurus hubungan interpersonal, dan menyelesaikan masalah dengan lebih efektif. Walaupun terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki, seperti

pengurusan konflik dan interaksi dalam konteks budaya yang pelbagai, namun secara umumnya, program ini telah mencapai objektifnya dalam membangunkan kemahiran interpersonal yang diperlukan untuk kejayaan perniagaan.

3.4 Hubungan antara Motivasi, Kemahiran Pengurusan, dan Kemahiran Interpersonal dalam Pelaksanaan Program Keusahawanan TVET dalam Kalangan Ibu Tunggal

Analisis ini bertujuan untuk memahami hubungan antara tahap motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal yang dicapai oleh ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET. Ketiga-tiga elemen ini memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan peserta dalam bidang keusahawanan. Motivasi merupakan penggerak utama yang mendorong individu untuk bertindak dan berusaha mencapai matlamat, manakala kemahiran pengurusan dan kemahiran interpersonal adalah aspek praktikal yang diperlukan untuk mengurus perniagaan dengan efektif dan membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan, rakan perniagaan, dan komuniti. Dengan memahami hubungan antara ketiga-tiga elemen ini, kita dapat menilai sejauh mana program keusahawanan TVET berjaya membentuk peserta yang bukan sahaja bermotivasi tinggi tetapi juga memiliki kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam perniagaan.

Jadual 6: Nilai Korelasi Spearman dan Signifikan bagi Hubungan Antara Motivasi, Kemahiran Pengurusan, dan Kemahiran Interpersonal dalam Pelaksanaan Program Keusahawanan TVET dalam Kalangan Ibu Tunggal

Hubungan Antara Motivasi, Kemahiran Pengurusan, dan Kemahiran Interpersonal					
			Motivasi	Kemahiran Pengurusan	Kemahiran Interpersonal
Spearman's rho	Motivasi	Pekali Korelasi (<i>r</i>)	1.000	0.898**	0.890**
		Signifikan (<i>p</i>)		<0.001	<0.001
		Bilangan	191	191	191
	Kemahiran Pengurusan	Pekali Korelasi (<i>r</i>)	0.898**	1.000	0.939**
		Signifikan (<i>p</i>)	<0.001		<0.001
		Bilangan	191	191	191
	Kemahiran Interpersonal	Pekali Korelasi (<i>r</i>)	0.890**	0.939**	1.000
		Signifikan (<i>p</i>)	<0.001	<0.001	
		Bilangan	191	191	191

Berdasarkan Jadual 6 diatas, dapat dilihat bahawa terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal dalam kalangan ibu tunggal yang menyertai program keusahawanan TVET. Nilai pekali korelasi (*r*) yang tinggi menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen ini saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain.

Hubungan antara motivasi dan kemahiran pengurusan menunjukkan pekali korelasi sebanyak 0.898, dengan nilai signifikan (*p*) kurang daripada 0.001. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sangat kuat antara kedua-dua elemen ini. Ibu tunggal yang mempunyai motivasi yang tinggi cenderung untuk memiliki kemahiran pengurusan yang lebih baik. Ini mungkin disebabkan oleh dorongan dalaman yang kuat untuk berjaya, yang mendorong mereka untuk mempelajari dan menguasai kemahiran pengurusan dengan lebih efektif.

Selain itu, hubungan antara motivasi dan kemahiran interpersonal juga menunjukkan pekali korelasi yang tinggi, iaitu 0.890, dengan nilai signifikan (*p*) kurang daripada 0.001. Ini mencerminkan bahawa peserta yang bermotivasi tinggi juga cenderung untuk memiliki kemahiran interpersonal yang lebih baik. Motivasi yang tinggi mungkin mendorong mereka untuk lebih aktif dalam berkomunikasi, membina rangkaian, dan bekerjasama dengan orang lain, yang seterusnya meningkatkan kemahiran interpersonal mereka.

Seterusnya, hubungan antara kemahiran pengurusan dan kemahiran interpersonal mencatatkan pekali korelasi tertinggi, iaitu 0.939, dengan nilai signifikan (*p*) kurang daripada 0.001. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua kemahiran ini saling berkait rapat. Kemahiran pengurusan yang baik, seperti perancangan strategik, pengurusan masa, dan pengurusan sumber, seringkali memerlukan kemahiran interpersonal yang efektif untuk dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai contoh, pengurusan pasukan atau hubungan dengan pelanggan memerlukan kemahiran komunikasi dan kerjasama yang baik.

Secara keseluruhan, hasil analisis korelasi ini menunjukkan bahawa motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal saling mempengaruhi dan menyokong antara satu sama lain dalam konteks program keusahawanan TVET. Peserta yang bermotivasi tinggi cenderung untuk memiliki kemahiran pengurusan dan

interpersonal yang lebih baik, manakala kemahiran pengurusan dan interpersonal yang baik pula dapat meningkatkan motivasi peserta untuk terus berusaha dan berjaya dalam perniagaan.

4. Perbincangan

Program keusahawanan TVET memainkan peranan penting dalam membangunkan potensi ibu tunggal melalui peningkatan motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal. Ketiga-tiga elemen ini saling berkait dan mempengaruhi kejayaan peserta dalam menjalankan perniagaan. Motivasi yang tinggi, terutamanya yang didorong oleh keinginan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan mencapai kemandirian kewangan, menjadi penggerak utama bagi ibu tunggal untuk menyertai dan mengekalkan komitmen dalam program keusahawanan TVET. Sokongan sosial daripada komuniti, keluarga, dan rakan-rakan turut menyumbang kepada peningkatan motivasi mereka, yang seterusnya mempengaruhi keyakinan diri dan keupayaan mereka untuk menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan. Dalam erti kata lain, program keusahawanan TVET merupakan satu inisiatif yang berkesan dalam membina motivasi dan keyakinan diri ibu tunggal. Namun, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan untuk memastikan semua aspek keusahawanan, termasuk pengurusan risiko, dapat dikuasai dengan baik oleh ibu tunggal. Ini akan memastikan bahawa program ini terus relevan dan memberi impak yang lebih besar dalam membentuk usahawan yang berjaya dan berdaya saing.

Dari aspek kemahiran pengurusan, program TVET telah berjaya meningkatkan keupayaan ibu tunggal dalam mengurus kewangan, masa, dan sumber manusia. Modul latihan yang disediakan, seperti pengurusan kewangan, pemasaran digital, dan pengurusan masa, membantu peserta mengurus perniagaan dengan lebih sistematik dan efektif. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dalam aspek perancangan strategik dan pengurusan risiko, yang memerlukan penambahbaikan dalam modul latihan untuk memastikan peserta lebih bersedia menghadapi cabaran jangka panjang.

Kemahiran interpersonal juga menunjukkan peningkatan yang ketara melalui program ini. Kemahiran komunikasi, kerjasama, dan perundingan yang diperkukuh membantu ibu tunggal membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan, pembekal, dan rakan perniagaan. Simulasi perniagaan dan bengkel komunikasi yang disediakan dalam program ini memberikan peluang kepada peserta untuk mengasah kemahiran interpersonal mereka dalam persekitaran yang selamat dan terarah. Namun, masih terdapat peserta yang menghadapi kesukaran dalam situasi komunikasi yang lebih kompleks, seperti menangani aduan pelanggan atau berunding dengan pembekal, yang memerlukan sokongan tambahan seperti sesi mentor dan latihan khusus. Oleh itu, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan bagi memastikan peserta lebih bersedia menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan yang semakin global dan dinamik.

Hubungan antara motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal adalah dinamik dan saling mempengaruhi. Motivasi yang tinggi mendorong peserta untuk mempelajari dan menguasai kemahiran pengurusan dan interpersonal dengan lebih efektif. Sebaliknya, kemahiran pengurusan yang baik membantu peserta mengurus perniagaan dengan lebih sistematik, manakala kemahiran interpersonal memastikan hubungan perniagaan yang positif dapat dibina dan dikekalkan. Keseimbangan antara ketiga-tiga elemen ini adalah penting untuk memastikan kejayaan jangka panjang dalam bidang keusahawanan. Namun, penekanan yang lebih mendalam terhadap ketiga-tiga elemen ini dalam program latihan masa depan amat diperlukan bagi memastikan bahawa peserta lebih bersedia untuk menghadapi persaingan dan cabaran dalam bidang keusahawanan. Ini akan memastikan program ini terus relevan dan memberi impak yang lebih besar dalam membentuk usahawan yang berdaya saing, berjaya, dan berdaya tahan.

Secara keseluruhan, program keusahawanan TVET telah berjaya meningkatkan motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal dalam kalangan ibu tunggal. Namun, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan, terutamanya dalam aspek perancangan strategik, pengurusan risiko, dan komunikasi kompleks, untuk memastikan peserta lebih bersedia menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan yang semakin kompetitif. Dengan keseimbangan yang betul antara motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal, ibu tunggal dapat membina perniagaan yang mampan dan berjaya, seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi keluarga dan komuniti.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti tiga elemen utama yang menyumbang kepada kejayaan program keusahawanan TVET dalam kalangan ibu tunggal, iaitu motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal. Motivasi, yang didorong oleh keinginan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan sokongan sosial daripada komuniti, memainkan peranan penting dalam mendorong ibu tunggal untuk terus komited dan berusaha menghadapi cabaran dalam bidang keusahawanan. Motivasi yang tinggi bukan sahaja meningkatkan semangat mereka untuk belajar dan berkembang, tetapi juga mendorong mereka untuk menguasai kemahiran pengurusan dan interpersonal yang diperlukan.

Kemahiran pengurusan, yang merangkumi aspek seperti pengurusan kewangan, perancangan strategik, dan pengurusan sumber manusia, telah diperkukuh melalui modul latihan yang komprehensif dalam program TVET.

Kemahiran ini membolehkan ibu tunggal mengurus perniagaan dengan lebih sistematik dan efektif, seterusnya mengurangkan risiko kegagalan dan meningkatkan daya tahan perniagaan. Walau bagaimanapun, cabaran dalam aspek perancangan strategik dan pengurusan risiko menunjukkan perlunya penambahbaikan berterusan dalam modul latihan untuk memastikan peserta lebih bersedia menghadapi cabaran jangka Panjang.

Kemahiran interpersonal, termasuk komunikasi, perundingan, dan pembinaan jaringan, juga merupakan faktor penting dalam kejayaan perniagaan. Kemahiran ini membantu ibu tunggal membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan, pembekal, dan rakan perniagaan, seterusnya membuka peluang untuk memperluaskan rangkaian perniagaan dan mendapatkan sokongan yang diperlukan. Walaupun program TVET telah berjaya meningkatkan kemahiran interpersonal peserta, masih terdapat keperluan untuk latihan tambahan dalam situasi komunikasi yang lebih kompleks, seperti pengurusan konflik dan interaksi dalam konteks budaya yang pelbagai.

Secara keseluruhan, kejayaan program keusahawanan TVET bergantung kepada keseimbangan dan interaksi antara motivasi, kemahiran pengurusan, dan kemahiran interpersonal. Ketiga-tiga elemen ini saling melengkapi dan mempengaruhi keupayaan ibu tunggal untuk mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan. Program TVET yang dirancang untuk ibu tunggal perlu memberi penekanan yang sama rata kepada pembangunan ketiga-tiga elemen ini bagi memastikan kejayaan jangka panjang peserta. Dengan motivasi yang tinggi, kemahiran pengurusan yang baik, dan kemahiran interpersonal yang efektif, ibu tunggal bukan sahaja dapat mencapai kemandirian ekonomi, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi secara menyeluruh melalui penciptaan lebih banyak usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Penghargaan

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam penghasilan kajian ini. Kajian ini dijalankan secara objektif dan tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan bahawa bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan tafsiran keputusan, dan penyediaan manuskrip.

Rujukan

- Amini Amir Abdullah. (2014, October 14). *Pembangunan Dan Kemajuan Modal Insan Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9): Satu Penelitian*. ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/344648524_Pembangunan_Dan_Kemajuan_Modal_Insan_Dalam_Rancangan_Malaysia_Kesembilan_RMK-9_Satu_Penelitian
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). *Research Methods For Business*. John Wiley & Sons. http://books.google.ie/books?id=ikI6EAAAQBAJ&printsec=frontcover&dq=a+skill-building+approach&hl=&cd=1&source=gbs_api
- Efa Wahyu Prastyaningtyas, Sutrisno Sutrisno, Edy Djoko Soeprajitno, & Suherlan Suherlan. (2023, April 3). *Analysing the Role of Mentors in Entrepreneurship Education: Effective Support and Assistance*. ResearchGate; Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai. https://www.researchgate.net/publication/369905096_Analysing_the_Role_of_Mentors_in_Entrepreneurship_Education_Effective_Support_and_Assistance
- George, D., & Mallery, P. (2010). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference 18.0 Update*. <https://dl.acm.org/citation.cfm?id=1942062>
- Ghory, S., & Ghafory, H. (2021). The impact of modern technology in the teaching and learning process. *International Journal of Innovative Research and Scientific Studies*, 4(3), 168–173. <https://doi.org/10.53894/ijirss.v4i3.73>
- Hanafi, N. a. G., Ahmad, N. H. H., Mansor, N. M. F., & Mustafa, N. W. A. (2023). An Integrated Approach in Empowering Technical and Vocational Education and Training (TVET) for Malaysian Asnaf in the IR4.0 Era. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 30(2), 255–271. <https://doi.org/10.37934/araset.30.2.255271>
- Hani, E. H. (2021). THE EFFECT OF MANAGERIAL SKILL ON BUSINESS SUCCESS. *DOAJ (DOAJ: Directory of Open Access Journals)*. <https://doaj.org/article/2251f59991ee4199a0df43e16c934104>
- Hu, W., Xu, Y., Zhao, F., & Chen, Y. (2022). Entrepreneurial Passion and Entrepreneurial Success—The Role of Psychological Capital and Entrepreneurial Policy Support. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.792066>

- Ismail, A., Wan Nurasnida Adnan, Masek, A., Hassan, R., Hashim, S., & Mohd. (2019). Effectiveness of Entrepreneurship Programmes in Developing Entrepreneurship Skills Towards Quality TVET Graduates. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/ITET/article/view/3222>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025*. Moe.gov.my. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/PPPM%20Laporan%20Tahunan%202019.pdf>
- Lim, W., Badiozaman, I., & Voon, M. (2020). *Barriers to Workforce Re-Entry among Single Mothers: Insights from Urban Areas in Sarawak, Malaysia*. <https://vc.bridgew.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=2317&context=jiws>
- Onileowo, T. (2021). Single Mother Entrepreneurs: Issues and Challenges - IRE Journals. *IRE Journals*, 4(9), 89–97. <https://www.irejournals.com/formatedpaper/1702636.pdf>
- Oviawe, J. I. (2017). Bridging Skill Gap to Meet Technical, Vocational Education and Training School-Workplace Collaboration in the 21st Century. *International Journal of Vocational Education and Training Research*, 3(1), 7. <https://doi.org/10.11648/j.ijvetr.20170301.12>
- Pallant, J. (2020). SPSS Survival Manual. In *Routledge eBooks*. <https://doi.org/10.4324/9781003117452>
- Prabhavathy, R. A., Gracida, M. M., & Pratheesh, C. (2024). *Research Methodology: A Step-By-Step Guide For Beginners*. <https://doi.org/10.59646/rm/187>
- RAIHAM MOHD SANUSI. (2022, February 14). *Ibu tunggal di Malaysia hampir 1 juta*. Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/187779/berita/nasional/ibu-tunggal-di-malaysia-hampir-1-juta>
- Roesminingsih, M. V., Widyaswari, M., Rosyanafi, R. J., & Zakariyah, F. (2024). *Metodologi Penelitian Kuantitatif*. Bayfa Cendekia Indonesia. http://books.google.ie/books?id=UpfvEAAAQBAJ&printsec=frontcover&dq=Metodologi+Penyelidikan+Kuantitatif&hl=&cd=5&source=gbs_api
- Taneja, M., Kiran, R., & Bose, S. C. (2023). Assessing entrepreneurial intentions through experiential learning, entrepreneurial self-efficacy, and entrepreneurial attitude. *Studies in Higher Education*, 49(1), 98–118. <https://doi.org/10.1080/03075079.2023.2223219>
- Teori Motivasi Abraham H. Maslow dan Implikasinya dalam Belajar Matematika*. (2021). Google Books. https://books.google.com.my/books/about/Teori_Motivasi_Abraham_H_Maslow_dan_Impl.html?id=jKJKEAAAQBAJ&redir_esc=y
- Valeri, M. (2024). *Entrepreneurial Motivations*. Springer. http://books.google.ie/books?id=znhx0AEACAAJ&dq=entrepreneurial+motivation&hl=&cd=9&source=gbs_ap
- Wickham, P. A. (2006). *Strategic Entrepreneurship*. Pearson Education. http://books.google.ie/books?id=s10ugFmlrhkC&printsec=frontcover&dq=Strategic+Entrepreneurship&hl=&cd=1&source=gbs_api